

# **PUSAT-PUSAT PEMERINTAHAN KESULTANAN MELAYU JOHOR MEMBINA PENEMPATAN AWAL ORANG MELAYU DI SEPANJANG SUNGAI JOHOR**

<sup>a</sup>Norliah Binti Abdullah

<sup>b</sup>Jaafar Bin Jambi

<sup>a</sup>Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

<sup>b</sup>Ambang Asuhan Jepun, PASUM, Universiti Malaya

## **Abstrak**

Pembinaan penempatan awal orang Melayu di sepanjang Sungai Johor semasa pemerintahan kesultanan Melayu Johor telah menjadi suatu unsur penting dalam pensejarahan negeri Johor. Kajian oleh beberapa sarjana seperti Kamdi (2013), Buyong Adil (1971) dan Winstedt (1979) ada menyebut peranan Sungai Johor dalam proses pembinaan kesultanan Melayu Johor. Mereka juga menulis secara tidak langsung bahawa dalam proses pembinaan pusat-pusat pemerintahan tersebut diikuti juga pembinaan penempatan awal orang Melayu sepanjang Sungai Johor daripada Kota Kara sehingga Panchor dan Seluyut. Kajian ini dilakukan adalah untuk membincangkan secara khusus mengenai kawasan-kawasan sekitar Sungai Johor yang menjadi penempatan awal orang Melayu. Penulisan-penulisan tentang sejarah negeri Johor tidak ada yang memfokuskan secara khusus berkenaan dengan tajuk tulisan ini. Perbincangan dalam kajian ini membuktikan bahawa penempatan awal orang Melayu memang berlaku disebabkan perkembangan pusat-pusat pemerintahan kesultanan Melayu Johor di sepanjang Sungai Johor. Ini dapat disahkan lagi apabila terdapatnya kegiatan perdagangan antarabangsa secara ekstensif di pusat-pusat pemerintahan itu kerana terdapatnya sumber tenaga manusia yang banyak di sekitar pusat-pusat penempatan. Walaupun pusat pemerintahan kerajaan kesultanan Melayu Johor sering berpindah

---

\* Penulis untuk dihubungi:

abdullahnorliah@gmail.com

ISSN 1985-6296 ©Pusat Dialog Peradaban

randah di sepanjang Sungai Johor namun pembinaan kawasan penempatan orang Melayu berkembang dengan pesatnya seiring dengan pembinaan pusat-pusat pemerintahan tersebut.

**Kata kunci:** *Kesultanan Melayu Johor, Sungai Johor, Pusat-pusat pemerintahan, Penempatan Orang Melayu,*

### **Abstract**

*The construction of early Malay dwelling areas along the Johore River during the reign of the Johore Sultanate has been proven as an important element in the Johore state history. Study by several writers such as, Kamdi Bin Kamil in his writing, Sejarah Awal. Empayar Johor-Riau: Pengasasan, Kelangsungan Dan Perpecahan, Buyong Adil, Sejarah Johor and Richard. O. Winstedt, A History of Johore (1365-1896) did mentioned the role of the Johor River during the reign of the Johore Sultanate. They also wrote indirectly that in the process of building the centres of administration was followed by the construction of the early Malay dwelling areas along the Johore River from Kota Kara to Panchor.*

*The objective of this study is to discuss specifically on the topic of early Malays dwelling areas along the Johore River. To date there is no writing on Johore state history that specifically focused on the topic. Topic that has been written are more focus on politics, economy and foreign relations which revolved around the genealogy and affairs of the sultans, foreign trade and wars fights between the Johore sultanate and foreign countries such as Portugal, Holland, Aceh and Jambi. Therefore, the study of the early Malay dwelling areas which occurred concurrently with the construction of the Johore sultanate's centre of administration will give clearer explanation concerning the existence of the early dwelling areas.*

*Discussion in this study has proven that the early Malay dwelling areas did exist caused by the development of the centre of administration of the Johore sultanate along the Johore River. These findings can be supported by the fact that the large manpower resources around these dwelling areas was supplied to accommodate the extensive activities of foreign trade in the centre of administration. Even though, the centre of administration of the*

*Johore sultanate was shifted several times along the Johore River but the dwelling areas along the Johore River did developed concurrently with the development of the centre of administration.*

*Keywords: The Johore Sultanate, Johore River, centre of administration, early Malay dwelling areas.*

## **Pengenalan**

Menurut sumber Jawa, negeri Johor dikenali sebagai *Wurawari* apabila terdapat bukti pada sebuah inskripsi Sanskrit dan Jawa yang bertarikh tahun 1006 (Winstedt, 1979:3 – tidak menyebut secara khusus nama inskripsi tersebut tetapi menurut Winstedt, inskripsi itu berada di Muzium Calcutta, India). Pada inskripsi itu ada tertulis nama sebuah tempat bernama *Wurawari* (air jernih) dan tempat tersebut telah membawa malapetaka kepada negeri Jawa. Sumber Siam pula ada menyebutnya dalam *Kot Monthieraban* (Undang-Undang Siam) menyatakan bahawa ada seorang raja ketika menaiki tahta mengatakan bahawa *Wurawari* adalah tanah takluk Siam (Winstedt, 1971:3). Seperti yang diketahui bahawa *Wurawari* pada asalnya adalah tanah jajahan orang Siam tetapi kemudian jatuh pula ke tangan Kerajaan Majapahit yang berpusat di Jawa (Shaharom, 1995:6). Mengikuti sebuah syair purba Jawa, *Nagarakretagama* yang ditulis oleh Prapancha pada tahun 1365 ada menceritakan kebesaran kerajaan Majapahit pada masa pemerintahan rajanya Hayam Wuruk dan Mangkabuminya Pateh Gajah Mada, ada mencatatkan nama-nama tempat di Nusantara yang dibawah takluk Kerajaan Majapahit di antaranya ialah Hujung Medini, Langkasuka, Sai (Buri), Kelanten, Tringgano, Nador, Paka, Muara Dungun, Tumasik, Sang Hyang Hujung, Kelang, Keda, Jire yang semuanya adalah jajahan takluk Majapahit. *Hujung Medini* yang disebut di atas itu adalah merujuk kepada daerah dalam negeri Johor sekarang ini (Buyong Adil, 1971:2). Manakala mengikuti Winstedt (1979:3) pula daripada sumber yang sama menyatakan selain Ujong Medini (Ujong Tanah-Land's End) dan lain-lain telah memasukkan Muar dan Pahang juga sebagai wilayah di bawah taklukan Majapahit. Ini menunjukkan bahawa negeri Johor atau *Wurawari* atau *Ujong Tanah* pada masa itu telah dihuni dan telah menjadi sebuah penempatan. Setelah penempatan ini berkembang dengan pesatnya

maka aktiviti perdagangan antarabangsa telah dapat dijalankan. Pada masa inilah ramai pedagang dari Arab datang berdagang di sini dan mengelarkan tempat itu sebagai *Jauhar* dan dari situlah terbitnya nama Johor (Winstedt, 1979:4).

Banyak penulisan mengenai negeri Johor telah dihasilkan oleh ramai sarjana baik dalam negara atau pun luar negara. Tulisan oleh Abdullah Zakaria dan Zainal Abidin (1994) memberikan asas dan input penting dalam melihat perkembangan negeri Johor daripada mula pembentukan kerajaan Johor sehingga zaman moden. Fawzi dan Hasrom (1978) tentang keturunan Temenggung serta pembesar-pembesar negeri Johor moden dan juga kegiatan perekonomian serta undang-undang negeri Johor. Kassim (2011) membincangkan sejarah negeri Johor secara keseluruhannya yang merangkumi hal ehwal kerajaan negeri Johor, undang-undang serta tajuk-tajuk ekonomi dan budaya. Andaya (1975) memaparkan tulisan yang meliputi topik-topik politik dan ekonomi yang mengisahkan perjanjian antara negeri Johor dengan Belanda. Andaya juga menulis topik mengenai laksamana Tun Abd. Jamil dan Raja Kechil. Keempat-empat tulisan ini hanya mengulas mengenai aspek-aspek politik dan ekonomi tetapi tidak mengenai penempatan yang wujud di sepanjang Sungai Johor.

Shaharom (1995) ada membincangkan salasilah keturunan raja-raja kerajaan Johor yang menyebut tentang pusat-pusat pemerintahan kerajaan Johor namun tidak memfokuskan kepada pembinaan penempatan awal orang Melayu di Sungai Johor. Buyong Adil (1971) membincangkan secara khusus mengenai salasilah keturunan kesultanan Melayu Johor daripada keturunan darah Melaka, keturunan bendahara sehingga keturunan temenggung. Pembinaan pusat-pusat pemerintahan di sepanjang Sungai Johor telah dimuatkan dengan panjang lebar dan teliti sekali. Akan tetapi beliau tidak banyak menceritakan tentang penempatan orang Melayu di sepanjang Sungai Johor. Tulisan Winstedt (1979) juga seperti tulisan di atas memfokuskan kepada pembentukan empayar Johor dan ada membicarakan tentang pusat-pusat pemerintahan di sepanjang Sungai Johor. Tajuk-tajuk seperti hubungan antara Johor dengan Portugis, Belanda, Riau dan Bugis dan hal ehwal keluarga temenggung ada dikisahkan dalam tulisan ini. Perkara yang memfokuskan kepada kewujudan penempatan awal orang Melayu di Sungai Johor ada disentuh sedikit oleh

Winstedt namun hanya memberikan gambaran secara ringkas mengenai satu sahaja penempatan awal, iaitu di Seluyut.

Pendek kata, tulisan mengenai negeri Johor setakat ini berkisar kepada sejarah pembentukan kesultanan Melayu Johor. Topik-topik mengenai sultan, sistem pentadbiran dan pembinaan pusat pemerintahan ada juga diberikan penekanannya tetapi topik mengenai pembinaan penempatan awal orang Melayu di sepanjang Sungai Johor belum ada dilakukan.

## **Perpindahan Orang Melayu Ke Negeri Johor**

Sejak dahulu lagi negeri Johor sudah didiami oleh orang Melayu tetapi hanya tertumpu di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja. Sudah menjadi amalan masyarakat Melayu jika seseorang raja berpindah membina pusat pemerintahan yang baharu biasanya pembesar serta rakyat mengikutnya ke tempat baharu itu. Kedatangan orang Melayu secara beramai-ramai ke negeri Johor bermula apabila Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka tewas di tangan Portugis pada tahun 1511. Sultan Mahmud dan anakanda baginda Tengku Ahmad serta pengikut baginda berundur dari bandar Melaka lalu berkumpul di Bertam di tepi Sungai Melaka. Apabila Portugis datang menyerang Bertam, baginda terpaksa berundur lagi ke Hulu Muar dan membina pusat pemerintahan di Pagoh (Buyong Adil, 1971:14). Orang-orang Melayu yang mengikut baginda telah membuat penempatan di Pagoh dan baginda bersama Tengku Ahmad telah membina sebuah kubu di Bentayan berdekatan dengan Kuala Sungai Muar bertujuan menjadikannya sebagai kubu pertahanan dan juga sebagai tapak untuk melancarkan serangan terhadap Portugis di Melaka. Pada akhir tahun 1511 itu juga Portugis telah menyerang dan mengalahkan Bentayan dan Pagoh. Baginda dan orang-orang Melaka terpaksa melarikan diri hingga ke Penarekan (di hulu Sungai Serting) lalu baginda menghirir Sungai Pahang terus ke negeri Pahang. Kemudian Sultan Mahmud ke Bentan dan tinggal di situ. Pada tahun 1513, Tun Fatimah isteri Sultan Mahmud telah melahirkan seorang putera yang dinamakan sebagai Raja Ali atau Raja Alauddin dan dimashyur sebagai bakal sultan bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah II. Sultan Alauddin Riayat Shah II adalah pengasas kepada Kesultanan Johor-Riau

keturunan darah sultan Melaka (Kassim, 2011:1). Semasa bersemayam di Bentan, baginda tidak henti-henti menghantar angkatan perang baginda menyerang Portugis dengan tujuan untuk mengambil kembali Melaka (Kennedy, 2007:53). Pihak Portugis berpendapat selagi Sultan Mahmud masih ada selagi itulah Melaka tidak aman. Ekoran daripada itu satu angkatan perang Portugis yang dibantu oleh askar-askar dari Goa telah menyerang Bentan. Oleh kerana angkatan perang Portugis itu jauh lebih kuat dan jauh lebih lengkap daripada kekuatan pertahanan orang Melayu di Kopak baginda pun berundur menuju ke negeri Kampar di Pulau Sumatera. Tetapi mengikut sumber Portugis, Sultan Mahmud telah berangkat ke Tanah Besar negeri Johor kerana pada masa itu telah ada penempatan orang-orang Melayu di sepanjang Sungai Johor seperti Sayong (Sayong Pinang), Kota Tinggi dan Johor Lama yang masih mencurahkan taat setia mereka kepada Kesultanan Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud (Kassim, 1917:13-14). Sejak kemangkatan isteri baginda, Tun Fatimah, baginda sering gering dan pada tahun 1528 Sultan Mahmud telah mangkat di Kampar. Anakanda baginda Raja Ali diangkat menggantikan ayahanda baginda sebagai sultan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II. Setelah tidak berapa lama ditabalkan sebagai sultan, baginda beserta pembesar-pembesar baginda telah keluar dari Kampar menuju ke negeri Pahang. Kemudian Sultan Alauddin Riayat Shah II serta Bendahara dan para pembesar baginda keluar dari negeri Pahang menuju ke negeri Johor (Ujong Tanah) untuk berbuat negeri dan bersemayam di Pekan Tua dan membuat kota di Sungai Telor.

Seperti diceritakan oleh Tun Sri Lanang dalam *Sulalatus Salatin*,

“Hatta beberapa hari baginda berjalan, maka sampailah ke Johor maka Sultan Alauddin pun menitahkan Bendahara dan Seri Nara Diraja mengepalai rakyat menebas Kuala Johor, akan diperbuat negeri. Maka Bendahara dan Seri Nara Diraja pun naiklah ke darat, diikuti oleh segala pegawai, mengarahkan rakyat berkampunglah bekerja, azamat bunyinya kayu yang rebah ditebang sekalian mereka itu. Adapun akan Laksamana Hang Nadim dan Seri Bija Diraja menjadi langlang di laut; tiga ratus

kelengkapannya, menjadi jaga-jaga, sampai ke Rantau Banang ia pergi.....syahadan akan negeri pun sudah lah dengan kotanya dan paritnya, yang dari hilir sungai Keriting, yang dari hulu sungai orang membuat istana dan masjid, balairung kedua dan penanggah, balai gendang, kolam telaga sekaliannya. Setelah mustaidlah dengan sepertinya, maka Sultan Alauddin pun pindahlah ke istana dengan isteri baginda, diiringkan biti dayang-dayang, pewarna. Mandara baginda; maka Bendahara segala menteri, hulubalang, orang kaya-orang kaya, sida-sida, Bentara sekaliannya pindahlah ke rumahnya masing-masing arah tempatnya, dan lebu pekan pesara pun penuh pepak kedai orang; pada masa itu kampong orang arah ke hilir datang ke Belandung, yang ke hulu sampai ke Bukit Piatu, di hulu Kuala Johor” (A. Samad Ahmad,1986:292)

Setelah dimusnahkan oleh Portugis, Aceh, Jambi, Belanda dan bencana alam, pusat pemerintahan Kesultanan Melayu Johor serta pusat penempatan orang Melayu terpaksa dipindahkan silih berganti ke Kota Kara, Kota Sayong, Kota Batu, Kota Seluyut, Kota Batu, Batu Sawar, Kota Tauhid, Kota Tinggi dan Panchor. Selepas Panchor pusat pemerintahan Kesultanan Melayu Johor keluar daripada Tanah Besar Johor. Menurut Haji Wan Rusik Wan Yusuf (Kamdi, 2013:1),

“...perpindahan ini dibuat mungkin memandangkan kedudukan Johor yang penting. Pertama Johor yang terletak di tengah negeri-negeri melayu, oleh itu Portugis datang lebih senang untuk rajanya melarikan diri sama ada ke Pahang atau negeri-negeri di Pantai Timur Sumatera.”

## **Pusat-Pusat Pemerintahan Kesultanan Melayu Johor**

### ***Kota Kara***

Pekan Tua merupakan pusat pemerintahan pertama kerajaan Johor yang terletak di Sungai Telor dilengkapi dengan binaan kubu pertahanan yang dikenali sebagai Kota Kara. Kota Kara dilengkapi dengan istana yang mengandungi Balairung Seri, Balai Besar, Balairung Kedua dan penangguh, Balai gendang dan Balai Penghadap, masjid, parit, pasar (pekan pesara) dan rumah rakyat jelata di sekeliling luar pagar istana. *Sejarah Melayu* (judul asalnya: *Sulalatus Salatin*) telah menggambarkan Pekan Tua (Kota Kara) (Kamdi Bin Kamil, 2013: 3),

“Mula ramailah penduduk menyokong kerajaan Melayu di Johor di lebuh pekan, pesara pun penuh pepak kedai orang. Pada masa itu kampung-kampung hilirnya sampai Belandong dan hulunya hingga ke Bukit Piatu iaitu di hulu Kuala Johor.”

Penempatan yang dibina oleh Sultan Alauddin Riayat Shah II telah menghimpunkan rakyat yang terdiri daripada orang Melayu Melaka dan orang-orang lain yang menjadi rakyat negeri Johor. Setelah beberapa lama Sultan Alauddin memerintah di Pekan Tua terjadi satu peristiwa di mana seorang ketua orang Melayu di Melaka telah dibunuh oleh Portugis kerana dituduh ingin memberontak dan membunuh orang Portugis. Perbuatan orang Portugis itu menimbulkan kemarahan orang Johor lalu merencanakan satu muslihat untuk membalas dendam. Pada tahun 1534, Estavao da Gama, Ketua Pemerintah Portugis di Melaka menghantar seorang utusan sebagai membalas lawatan orang Johor ke Melaka semasa dalam perjalanan balik dari Perak dahulu. Utusan itu datang bertujuan untuk menerangkan peristiwa pembunuhan Sang Naya (ketua orang Melayu yang dibunuh). Sultan Alauddin telah menitahkan tenteranya untuk menangkap dan menaikkan utusan Portugis di atas pokok dan menolaknya ke bawah hingga



menyebabkan kematian. Ekoran daripada peristiwa itu pada tahun 1535 tentera Portugis di bawah Estavao da Gama telah menyerang Pekan Tua dan Kota Kara. Tentera Johor tidak berupaya untuk menahan serang tersebut tetapi sebelum angkatan Portugis sampai ke Pekan Tua, Sultan Alauddin serta pembesar telah berundur ke Sayong. Kemaraan tentera Portugis dapat disekat dengan melintangkan batang-batang pokok yang ditebang di sungai supaya pergerakan kapal Portugis tidak berjaya melepasinya (Winstedt, 1979:16).

### ***Kota Sayong***

Sekali lagi Sultan Alauddin Riayat Shah II terpaksa membina sebuah lagi penempatan orang-orang Melayu yang merupakan pengikut baginda dan rakyat negeri Johor. Kota Sayong sebenarnya telah dibina terlebih dahulu daripada Kota Kara kerana sebelum Portugis sampai ke Kota Kara, Bendahara telah menasihati baginda dan para pembesar berundur lebih awal ke Kota Sayong. Semasa di Kota Sayong, baginda telah menghantar angkatan tentera baginda mengawal perairan Muar bertujuan untuk menyekat bekalan makanan supaya tidak tiba di pelabuhan Melaka. Akibatnya Portugis di Melaka telah menghantar sebuah pasukan tentera yang kecil untuk memecahkan sekatan tentera Johor itu. Pertembungan telah berlaku di mana tentera Johor telah membunuh ketua tentera Portugis yang bernama Paulo da Gama dan 30 orang tenteranya. Portugis telah menghantar satu lagi angkatan perang di bawah Estavao da Gama sendiri untuk menyerang Kota Sayong. Memandangkan kekuatan tentera Portugis lebih besar dan kuat maka Sultan Alauddin Riayat Shah II telah menghantar seorang utusan ke Melaka untuk berdamai. Setelah itu baginda telah membuka pusat pemerintahan Kerajaan Johor yang baharu di Johor Lama. Kota Sayong yang terletak di hulu Sungai Johor tidak sesuai dijadikan pusat pemerintahan kerana laluan sungai ke kota itu tidak membenarkan kapal-kapal bersaiz besar untuk mudik hingga ke Kota Sayong dan ini tidak baik untuk kegiatan perdagangan (Kamdi, 2013:5).

## ***Kota Batu***

Pada tahun 1540 Sultan Alauddin Riayat Shah II membina pula pusat pemerintahan yang baharu di Johor Lama di mudik Sungai Johor. Oleh kerana kedudukan pusat ini berdekatan dengan Tanjung Batu maka kota ini juga dikenali dengan panggilan Kota Batu. Apabila pusat pemerintahan berpindah rakyat baginda juga turut berpindah membina istana, rumah-rumah pembesar, pasar, kampung-kampung dan kubu pertahanan. Mengambil pengalaman dan pengajaran semasa membina kubu pertahanan di Kota Sayong dahulu, kubu di Kota Batu Johor Lama ini dibina dengan lebih kukuh dengan menggunakan bongkah-bongkah batu yang disusun dan ditambak supaya tahan bedilan meriam. Kedudukan kota ini sangat strategik kerana dapat mengawasi pergerakan kapal-kapal musuh mudik dan menghilir Sungai Johor. Pada tahun 1564, Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahar, sultan Aceh datang menyerang Kota Batu dan Sultan Alauddin beserta keluarga ditawan dan dibawa ke Aceh dan dijatuhkan hukuman bunuh. Namun putera baginda Raja Muzaffar ditabalkan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah Al-Qahar sebagai Sultan Johor yang kedua dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah yang memerintah di Kota Batu. Sultan Muzaffar Shah tidak mahu menjadikan Johor sebagai tanah jajahan Aceh dan dengan itu baginda bimbang Aceh akan menyerang Kota Batu pada masa hadapan jadi setelah berunding dengan pembesar baginda mengambil keputusan untuk memindahkan pusat pemerintahan ke Kota Seluyut. Menurut Winstedt (1979:22),

“Sejarah Melayu mencatatkan bahawa Sultan Muzaffar Shah telah memindahkan pusat pemerintahan ke muara Sungai Johor ke Seluyut. Di kedua-dua belah Sungai Seluyut terdapat rumah ladang yang berderetan tiada berhenti hingga Padang Riang-Riang dan terdapat sebuah pasar besar di Kangkang”(Terj. Pengarang ini)

## ***Kota Seluyut***


Petikan di atas menunjukkan bahawa pusat pemerintahan di Kota Seluyut menjadi suatu penempatan orang-orang Melayu yang agak besar kerana menurut Winstedt (1979), dalam *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* ada mengatakan betapa besar dan luasnya kampung-kampung yang berderetan di kedua-dua belah tebing Sungai Seluyut hingga ke Padang Riang-Riang dan terdapat sebuah pasar yang besar di Kangkang untuk memenuhi keperluan penduduk yang sangat ramai. Pada 1565, Kota Seluyut juga terkenal kerana Bendahara Tun Seri Lanang (Tun Muhammad bin Tun Ahmad Paduka Raja) penyusun dan pengarang *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* itu dilahirkan di Bukit Seluyut. Di bahagian tengah kota terletak istana Sultan Muzaffar Shah yang di kelilingi rumah pembesar-pembesar yang semuanya diperbuat daripada kayu (Kamdi, 2013:7). Sultan Muzaffar Shah mangkat pada tahun 1570 dan digantikan dengan anakanda baginda, Sultan Abdul Jalil Shah I menjadi Sultan Johor ketiga. Namun baginda tidak lama menjadi sultan kerana telah mangkat pula hanya setahun memerintah pada tahun 1571 dan ayahanda baginda iaitu Raja Omar dengan gelaran Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II sebagai Sultan Johor keempat.

## ***Kota Batu Lagi***

Pada 1573 Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II telah memindahkan pusat pemerintahan semula ke Kota Batu. Kubu pertahanan Kota Batu telah diperbaiki dan perkukuhkan lagi dengan persenjataan yang lengkap. Semasa awal pemerintahan, baginda telah menjalin persahabatan dengan Aceh dan membenarkan kapal-kapal Aceh berdagang di Johor. Persahabatan ini tidak disukai oleh Portugis lalu menyerang Johor namun tidak berupaya untuk mengalahkan Johor. Persahabatan antara Johor dan Aceh tidak berkekalan lama kerana Johor enggan menjadi tanah jajahan takluk Aceh. Keadaan bertambah tegang apabila Johor berbaik-baik semula dengan Portugis. Pada tahun 1582, Aceh telah datang menyerang Kota Batu tetapi dengan bantuan tentera Portugis daripada Melaka telah menyelamatkan Johor (Buyong Adil, 1971:31-32). Persahabatan

antara Melaka dan Portugis telah menjadi tegang apabila kedua-dua pihak berebut untuk menguasai Kuala Sungai Johor. Tentera Portugis telah memaksa kapal-kapal meneruskan pelayaran ke Melaka tanpa singgah di pelabuhan Johor. Tetapi apabila tentera Portugis tiada, Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II memaksa kapal-kapal masuk ke pelabuhan Johor. Pada tahun 1587, tentera Johor telah menyerang dan mengepung Melaka dengan tujuan untuk menyekat bekalan makanan masuk ke Melaka. Ekoran daripada itu, pada bulan Julai 1587, Portugis pula menyerang Johor Lama lalu membakar semua rumah-rumah di Johor Lama dan memusnahkan pusat pemerintahan Kota Batu. Banyak harta benda kerajaan Johor telah dapat dirampas oleh Portugis seperti 800 pucuk meriam gangsa, 1200 buah perahu besar dan kecil serta barangan emas dan perak (Kamdi, 2013:8).

Peta 1: Sungai Johor dan Pusat-pusat Pemerintahan kesultanan Johor



Sumber: Andaya (1975:xv)

### ***Kota Sawar***

Proses membangunkan semula pusat pemerintahan dan penempatan untuk penduduk telah dijalankan oleh Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II. Baginda telah memilih sebuah tempat di sebelah tebing kanan mudik Sungai Johor berdekatan dengan Kota Seluyut yang bernama Batu Sawar. Dua tahun selepas Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II bersemayam di Batu Sawar Portugis datang menyerang dan membakar Kota Batu Sawar. Baginda serta pembesar telah berundur tetapi balik semula setelah Portugis meninggalkan Batu Sawar. Pada tahun 1597 Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II telah mangkat dan di atas persetujuan semua Raja Mansur telah ditabalkan sebagai Sultan Johor kelima dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah III yang berpusat di Batu Sawar juga. Pada 1606, seorang Belanda bernama Velentjin telah melawat kota di Batu Sawar menerangkan (Shaharom, 1995:15)

“Batu Sawar sebuah bandar yang terletak lima atau enam batu ke hulu Sungai Johor. Tempat itu terlalu cantik, lebar dan dalam sungainya. Boleh dapat air minuman dengan mudah. Sebahagian besar daripada tempat itu tanahnya rendah, rumah-rumah yang didirikan berbaris di tepi pantai (sungai). Bentuk ukirannya boleh dikatakan tidak berapa baik. Dibangunkan di atas kawasan tanah rata rapat di tepi sungai, kira-kira satu jam perjalanan dari bukit-bukit yang dekat di belakang bandar itu. Dari tempat ini ke sungai dibuat jalan air kerana menyenangkan orang boleh sampai ke kota itu. Sebelah di dalamnya, didapati ramai penduduknya dengan rumah-rumah atap. Tetapi tempat kediaman raja-raja dan pembesar-pembesar negeri dibangunkan daripada kayu.”

Seperti biasa apabila pusat pemerintahan berpindah ke tempat baharu proses pembinaan kota, istana dan penempatan pembesar dan rakyat perlu dibina juga . Istana sultan dan rumah pembesar terletak dalam kota diperbuat daripada kayu dan beratap kayu (Kamdi, 2013:9). Ia juga menunjukkan kedatangan orang Melayu ke tempat baharu dalam negeri Johor. Raja Abdullah (adinda Sultan Alauddin Riayat Shah III) pula membuat istana tempat semayamnya di Pengkalan Raya di seberang sungai dan ke hilir sedikit daripada Batu Sawar. Raja Abdullah telah membina sebuah kubu pertahanan yang dikenali sebagai Kota Seberang dan kadang-kadang Raja Abdullah digelar sebagai Raja Seberang sempena kedudukan istananya di seberang sungai. Sementara itu, Sultan Alauddin Riayat Shah III tidak mengendahkan pentadbiran kerajaan, Raja Abdullah dibantu oleh Bendahara Tun Seri Lanang telah menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negeri. Belanda telah menjalin persahabatan dengan kerajaan Johor sejak daripada tahun 1602 lagi dan keadaan ini tidak disenangi oleh Portugis. Persahabatan antara Johor dan Belanda bertambah erat di mana Johor telah menghantar dua orang wakilnya iaitu Megat Mansur dan Encik Kamar tinggal di Belanda. Belanda menghantar pegawainya ke Johor yang bernama Jacob Buijsen tinggal di Batu Sawar. Pada 3 Mei 1604, Admiral Wijbrand van Warwick dengan angkatan Belanda datang mengadap Sultan Alauddin Riayat Shah III bersama Raja Abdullah dan Bendahara Tun Seri Lanang bagi menyampaikan surat rasmi persahabatan dan hadiah-hadiah daripada Putera Maurice yang merupakan dua pucuk meriam tembaga, empat puluh butir bola besi peluru meriam dan empat buah tong ubat bedil. Sebagai balasan Sultan Alauddin Riayat Shah III telah menghadihkan lada hitam sebanyak dua setengah bahara (Winstedt, 1979:27). Pada 1608 Sultan Alauddin Riayat Shah III telah membina tempat persemayaman baginda di Pasir Raja yang tiada jauh dari Batu Sawar. Istana Batu Sawar masih digunakan sebagai tempat untuk menjalankan urusan pentadbiran negeri dan untuk menerima kunjungan para pelawat-pelawat, raja-raja, dan orang besar-besar dari negara lain. Pada November 1608 Admiral Pieter Verhoeff dengan angkatan Belanda telah sampai ke pelabuhan Melaka dan telah mengutus surat kepada Sultan Alauddin Riayat Shah III mengajak negeri Johor sama-sama menyerang Melaka. Namun setelah mendengar alasan-alasan daripada

Abraham van den Broek dan utusan Sultan Johor serangan itu dibatalkan. Admiral Pieter Verhoeff telah mudik ke Sungai Johor lalu ke Batu Sawar pada tahun berikutnya iaitu pada 5 haribulan Januari 1609. Beberapa hari kemudian Sultan Alauddin dan Raja Abdullah membawa Admiral Pieter Verhoeff melawat Pasir Raja iaitu tempat bersemayam yang baharu Sultan Alauddin Riayat Shah III.

Pada awal tahun 1610, Sultan Alauddin Riayat Shah III di atas dorongan Raja Siak telah membuat perjanjian persahabatan pula dengan Portugis (Buyong Adil, 1971:59). Walau bagaimanapun, Raja Abdullah tetap tidak suka bersahabat dengan Portugis dan terus memelihara kepentingan Belanda yang ada di negeri Johor. Dalam tahun 1612, semasa Sultan Alauddin Riayat Shah III bersemayam di Pasir Raja, Bendahara Tun Seri Lanang mulai menyusun Sejarah Melayu atas galakkan Raja Abdullah. Persahabatan yang terjalin antara Johor dan Portugis tidak disenangi oleh Aceh lalu pada bulan Jun 1613, Sultan Iskandar Muda Aceh telah menghantar bala tentera baginda menyerang Batu Sawar dan Kota Seberang. Kerajaan Johor mengalami kekalahan sehinggakan Sultan Alauddin Riayat Shah III, Raja Abdullah, Tun Seri Lanang dan beberapa panglima dan pembesar Johor telah menjadi tawanan dan dibawa balik ke Aceh. Pada akhir tahun 1613, Sultan Iskandar Muda membenarkan Raja Abdullah balik ke Johor dan mengarahkan supaya Batu Sawar dibaikpulih semula dengan bantuan kewangan dan tenaga kerja daripada Aceh. Bendahara Tun Seri Lanang tinggal di Aceh menyambung kerja-kerja menyusun Sejarah Melayu. Pada pertengahan tahun 1614, Sultan Alauddin Riayat Shah III dibenarkan pulang ke Johor dengan syarat membantu Aceh dalam peperangan melawan Portugis dan tidak membenarkan orang Belanda tinggal di negeri Johor. Namun janji Sultan Alauddin Riayat Shah III kepada Sultan Iskandar Muda tidak ditepati kerana baginda telah meminta bantuan Portugis untuk menabalkan anakanda baginda sebagai Sultan Pahang dan orang Belanda juga dibenarkan berniaga di Batu Sawar oleh Raja Abdullah. Kedua-dua peristiwa ini telah menyebabkan kemarahan Sultan Iskandar Muda dan pada November 1615 telah menghantar angkatan perang yang besar menyerang dan mengalahkan tentera Sultan Alauddin Riayat Shah III di Batu Sawar. Baginda telah

ditangkap dan dibawa ke Aceh lalu telah dikenakan hukuman bunuh (Buyong Adil, 1971:65).

Di atas persetujuan Sultan Iskandar Muda, Raja Abdullah diangkat sebagai Sultan Johor keenam dengan gelaran Sultan Abdullah Ma'ayat Shah. Keperibadian Sultan Abdullah Ma'ayat Shah sangat berbeza dengan kekanda baginda. Admiral Matelief menerangkan sifat Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (Winstedt, 1979:33),

“...lelaki berumur lebih kurang tiga puluh lima tahun, berkulit agak putih, seorang yang berhati-hati, penyabar, bukan seorang pemarah, berpandangan jauh, musuh orang Portugis, seorang yang rajin dalam semua hal, pendek kata, seorang yang mempunyai kelayakan untuk menjadi Sultan Melaka dan Johor, seorang yang menghargai sebarang pertolongan yang diterimanya, sahabat setia orang Belanda. Hanya baginda seorang sahaja yang tidak meminum arak dalam kalangan adik beradiknya.” (Terj. Pengarang ini)

Sultan Abdullah Ma'ayat Shah telah menjadikan Batu Sawar sebagai pusat pemerintahan negeri Johor. Namun baginda berasa bosan dijajah oleh Aceh telah menceraikan isteri baginda yang berasal dari Aceh yang merupakan adinda kepada Sultan Iskandar Muda. Memandangkan kedudukan Batu Sawar dalam keadaan bahaya mungkin diserang Aceh dan didapati bahawa pendapatan negeri tidak memberangsangkan, baginda telah berpindah bersemayam di Pulau Lingga bersama-sama anak saudara baginda iaitu Raja Bujang (Buyong Adil, 1971:66). Pada Mach 1623 Sultan Abdullah Ma'ayat Shah telah mangkat di Tembelan. Bendahara Tun Abdul Jamil telah melantik Raja Bujang sebagai Sultan Johor ketujuh dengan syarat mengakui bahawa Raja Bajau (anakanda Sultan Abdullah Ma'ayat Shah) yang berumur dua tahun akan menggantikan baginda nanti. Raja Bujang memakai nama Sultan Abdul Jalil III tidak menjadikan Batu Sawar sebagai pusat pemerintahan kerana bimbangkan ancaman daripada Aceh. Pada 27 Disember 1636, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan



Acheh telah mangkat dan Raja Mughal yang berasal daripada Pahang diangkat sebagai Sultan Acheh dengan gelaran Sultan Iskandar Thani. Sultan Abdul Jalil Shah III telah membuat perjanjian dengan pihak Belanda hendak bekerjasama menakluk Melaka. Pihak Belanda juga telah bersetuju untuk membantu membina sebuah kubu yang kuat di Batu Sawar. Oleh kerana Pahang masa itu adalah jajahan takluk Acheh, Sultan Abdul Jalil Shah III yang pernah menjadi Sultan Pahang dahulu telah mendapat bantuan pihak Belanda untuk menyerang dan menakluk Pahang dan menjadikannya jajahan takluk Johor semula. Pada tahun 1639, Sultan Abdul Jalil Shah III telah menghantar utusan dari Bentan ke Batavia untuk merangka perjanjian untuk menyerang Melaka dengan pihak Belanda. Sultan Abdul Jalil Shah III telah menghantar sebanyak 40 buah perahu perang membawa seramai lebih kurang 1,500 askar Melayu di bawah Laksamana Tun Abdul Jamil. Melaka telah dapat ditewaskan setelah pengepungan berlanjutan daripada bulan Jun 1640 hingga 14 haribulan Januari 1641. Sebulan setelah penaklukan Melaka berlaku, pada 15 haribulan Februari 1641 Sultan Iskandar Thani telah mangkat dan digantikan oleh balunya dengan gelaran Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Shah. Mengikut Dagh-Register (catatan harian yang dihantar ke ibu pejabat Syarikat Hindia Timur Belanda) pada 3 April 1641 menyatakan bahawa Empayar Johor mengandungi kawasan-kawasan yang meluas daripada Sungai Kelang hingga ke Linggi dan *Cape Rachado*, Muar, Batu Pahat, Singapura, Pulau Tinggi dan pulau-pulau di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, kepulauan Kerimun, Pulau Bentan, Bulang, Lingga dan Ungaran dan di Sumatera pula di sekitar Sungai-sungai Bengkalis, Kampar dan Siak manakala Rembau menjadi jajahan takluk Johor pada Disember (1641) (Winstedt, 1979:36).

### ***Kota Tauhid***

Memandangkan ancaman daripada pihak Acheh yang diperintah oleh raja perempuan selepas kemangkatan Sultan Iskandar Mahkota Alam dan Portugis pun telah dikalahkan, Sultan Abdul Jalil Shah III telah kembali ke Johor dan membuat pusat pemerintahan baharu di Kota Tauhid (Makam Tauhid). Walau bagaimanapun, keamanan

yang dikecapi tidak berpanjangan kerana Johor bermusuhan pula hingga menyebabkan peperangan dengan Kerajaan Jambi yang berpunca daripada pemberontakan orang-orang Tungkal yang mahu tunduk di bawah kerajaan Johor dan perkara ini menyebabkan kemarahan Sultan Jambi (Andaya, 1974:84). Hubungan antara Johor-Jambi bertambah parah apabila Sultan Abdul Jalil III enggan membenarkan perkahwinan antara Yamtuan Muda Raja Bajau (anakanda Sultan Abdullah Ma'ayat Shah) dengan Puteri Raja Jambi, Puteri Pangeran Keda Abdul Kohar. Yamtuan Muda Raja Bajau kemudiannya berkahwin pula dengan anak Laksamana Tun Abdul Jamil. Ini menyebabkan Sultan Jambi bertambah marah. Pada mulanya Sultan Abdul Jalil III tidak menghalang perkahwinan ini tetapi apabila perjanjian perkahwinan sudah dimuktamadkan, Sultan Abdul Jalil III membatalkannya. Perubahan sikap yang dilakukan oleh baginda kerana berasa kedudukannya mungkin tergugat jika perkahwinan ini diteruskan akan menguatkan kedudukan Yamtuan Muda Raja Bajau. Andaya (1975:85) menyatakan,

“Punca utama yang menyebabkan perkelahian ini ialah cara kerajaan Johor yang tidak mempedulikan tatasusila betul perhubungan antara kedua buah negara yang menganggap remeh kedaulatan kerajaan Jambi. Demi untuk mempertahankan maruah dirinya kerajaan Jambi dengan sengaja menghina kerajaan Johor dengan cara yang betul menghormati tatasusila yang telah ditetapkan.”

Peperangan terbuka antara Johor dengan Jambi berlaku selama 14 tahun sejak tahun 1667 hingga 1681. Pada tahun 1673 tentera Jambi dapat mengalahkan Johor dan merampas harta benda kerajaan Johor termasuk menangkap ramai orang Johor dan Bendahara lalu di bawa ke Jambi sebagai tawanan Jambi tetapi tidak lama kemudian dilepaskan. Pada tahun 1676, Raja Bajau telah mangkat dan tidak lama kemudian Sultan Abdul Jalil III pula mangkat pada 22 haribulan November 1677. Pada tahun itu juga Raja Ibrahim anakanda Raja Bajau diangkat menjadi Sultan Johor yang kelapan bergelar Sultan Ibrahim Shah dan Bendahara pada masa itu ialah Tun Habib Abdul Majid yang bergelar Bendahara Seri

Maharaja. Atas jemputan Laksamana Tun Abdul Jamil, baginda telah bersemayam di Riau. Perpindahan ke Riau adalah satu rancangan strategik yang dirangka oleh Laksamana Tun Abdul Jamil kerana jaraknya dengan Jambi agak dekat memudahkan pihak Johor melancarkan serangan. Pada bulan Jun 1679, Sultan Ibrahim Shah menitahkan Laksamana Tun Abdul Jamil yang dibantu oleh Daing Mengika menyerang Jambi. Jambi dapat dikalahkan dan telah dijadikan jajahan takluk di bawah kekuasaan Johor. Pada tahun 1681 angkatan Tun Abdul Jamil bersama Temenggong Johor (anakandanya) telah menyerang Palembang dan beroleh kemenangan. Kemenangan-kemenangan yang diperolehi oleh Laksamana Tun Abdul Jamil telah menjadikannya sombong dan telah mengambil alih pentadbiran kerajaan tanpa menghiraukan Sultan Ibrahim Shah. Sultan dan pembesar-pembesar kerajaan juga tidak puas hati cara yang ditunjukkan oleh Laksamana Tun Abdul Jamil dan berusaha bagaimana hendak menyingkirkannya (Buyong Adil, 1971:80).

### ***Kota Tinggi***

Kota Tinggi yang menjadi pusat pemerintahan Kesultanan Melayu Johor juga telah menjadi tumpuan pedagang-pedagang antarabangsa seperti China, India, Arab dan Eropah (Kamdi, 2013:19). Pada 16 haribulan Februari 1685, Sultan Ibrahim Shah telah mangkat di Riau. Ada pendapat mengatakan baginda mangkat terkena racun dan mengesyaki isteri baginda daripada anakanda Tun Abdul Jamil yang melakukannya kerana kepentingan ayahandanya. Hujahnya bahawa Sultan Ibrahim Shah ada ura-ura hendak memindahkan pusat pemerintahan semula ke Johor Lama dan ini menjadikan keluarga Bendahara lebih berkuasa dan keluarga Laksamana akan disingkirkan. Pada Februari 1685, Raja Mahmud anakanda Sultan Ibrahim Shah daripada isteri baginda daripada anakanda Laksamana Tun Abdul Jamil yang berumur 10 tahun diangkat sebagai Sultan Johor kesembilan dengan gelaran Sultan Mahmud II yang bersemayam di Riau. Oleh kerana baginda masih kecil maka Laksamana Tun Abdul Jamil adalah orang yang paling berkuasa dalam pemerintahan kerajaan Johor pada masa itu. Pada tahun 1688 Bendahara dan pembesar-pembesar kerajaan Johor dapat

menyingkirkan Laksamana Tun Abdul Jamil lalu mengambil Sultan Mahmud balik ke Johor bersemayam di Kota Tinggi. Setelah itu, pada tahun 1697 Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid telah meninggal dunia dan diganti oleh anakandanya Tun Abdul Jalil dengan gelaran Bendahara Paduka Raja. Pembesar-pembesar kerajaan tidak menyukai kelakuan Sultan Mahmud II yang suka melakukan kegilaan dan kebengisan dengan perangai baginda yang ganjil-ganjil sehingga segala pemerintahan kerajaan mereka merujuknya kepada Bendahara sahaja. Dalam bulan Ogos 1699, Sultan Mahmud II telah mangkat dibunuh oleh Megat Seri Rama ketika hendak pergi sembahyang Jumaat. Pembunuhan ini berpunca daripada kezaliman Sultan Mahmud II membunuh isteri Megat Seri Rama kerana telah memakan seulas nangka yang dipersembahkan kepada baginda. Megat Seri Rama memberitahu Bendahara dan pembesar lain bahawa niatnya untuk menderhaka kepada sultan maka semua pembesar bersepakat untuk membantu Megat Seri Rama menjalankan rancangannya untuk membunuh sultan.

### ***Pachor***

Oleh kerana Sultan Mahmud II tidak ada meninggalkan zuriat maka para pembesar dengan sebulat suara melantik Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil sebagai Sultan Johor yang kesepuluh bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV pada tahun 1699. Dengan kemangkatan Sultan Mahmud II maka putuslah waris keturunan sultan Melaka yang memerintah kerajaan Johor. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah telah memindahkan pusat pemerintahan baginda dari Kota Tinggi ke Panchor. Pada 13 Mac 1709, bandar Panchor terbakar pada pukul 11 pagi dan terbakar selama 5 hingga 6 jam, bermula daripada sebuah pondok tempat merebus pisang. Kebakaran ini merebak ke 300 buah rumah termasuk istana Sultan, kediaman orang kaya kecuali rumah Laksamana dan kubu yang menyimpan ubat bedil juga turut terbakar (Kamdi, 2013:20). Pada tahun 1718 Kota Panchor telah diserang oleh angkatan perang Raja Siak iaitu Raja Kecil yang mendakwa sebagai putera Sultan Mahmud II. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah mangkat dibunuh oleh hulubalang Raja Kecil di Pahang. Dengan itu Raja Kecil menjadi Sultan Johor ke sebelas memerintah kerajaan Johor dengan gelaran

Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Kota Panchor merupakan kota pusat pentadbiran kerajaan Johor sepanjang Sungai Johor yang terakhir kerana selepas ini semua pusat pemerintahan kerajaan Johor berpusat di luar tanah besar negeri Johor. Kini Panchor merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terletak di tepi pesisiran Sungai Johor yang jaraknya dari bandar Kota Tinggi adalah sejauh 32 kilometer melalui jalan perhubungan Pekan Teluk Sengat (Abdullah Zakaria, dan Zainal Abidin, 1994:33).

## **Perkembangan Penempatan Orang Melayu di Negeri Johor**

Kebanyakan penempatan orang Melayu yang wujud di negeri Johor adalah seiring dengan lahirnya pusat-pusat pemerintahan kerajaan Johor. Pusat-pusat pemerintahan yang dibina di sepanjang Sungai Johor dan cabangnya hinggalah ke kawasan hilirnya jauh di pendalaman telah terbina penempatan orang Melayu. Kemudian penempatan orang Melayu berubah mengikut perkembangan dan kemajuan sesuatu kawasan bandar di antaranya adalah Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Segamat, Tangkak, Mersing dan Kluang. Dalam tahun 1853 dalam perjalanannya, Thomas Braddell (Abdul Malek, 1984:62-63) telah membuat catatan mengenai Pagoh yang mempunyai sebuah kampung yang besar di tebing sebelah kirinya terdapat ramai penduduk dan banyak rumah. Padang juga telah menampakkan pertambahan bilangan penduduk orang Melayu sebanyak seribu orang. Di Kuala Sungai Muar telah ada sebuah kampung Melayu yang dinamakan Kampung Penghulu Mudin dan jauh di pendalaman Sungai Muar pula ada terdapat kampung Melayu juga. Dalam tahun 1817, J. Douglas mengatakan bahawa di muara Sungai Muar itu terdapat ramai penduduk Melayu dan Cina dan banyak kampung kelihatan ke arah pendalaman sungai itu. Di Pengkalan Bukit ada sebuah kampung yang luas dan di kampung To' Dagang terdapat satu perkampungan yang luas hingga melewati ke tepi bukit. Di kampung Putih pula hanya ada seramai empat hingga lima puluh orang Melayu sahaja. Douglas juga mengatakan bahawa Lenga juga sudah menjadi kawasan kediaman yang ramai (Abdul Malek, 1984:63). Dalam tahun-tahun 1880-an beberapa kumpulan

orang Melayu dari negeri Kedah dan Melaka telah datang tinggal di Muar.

Daripada zaman Sultan Mahmud Sultan Melaka datang menetap di negeri Johor ramailah pengikut baginda bersama membina penempatan untuk menjadikannya sebagai pusat pemerintahan negeri. Orang-orang Melayu dari Melaka yang mengikuti baginda merupakan kumpulan orang Melayu secara beramai-ramai datang mendiami negeri Johor. Selepas itu banyak lagi penempatan orang Melayu di Johor diwujudkan mengikut sultan-sultan yang berkuasa berpindah ke tempat baharu sebagai pusat pemerintahan kerajaan. Proses ini telah mengembangkan lagi penempatan orang-orang Melayu di negeri Johor khususnya di sepanjang Sungai Johor. Selepas pusat pemerintahan Kota Panchor dimusnahkan oleh Raja Kecil maka tiada lagi pusat pemerintahan kerajaan Johor di tanah besar Johor sehinggalah Empayar Kerajaan Johor terbahagi dua oleh Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 (Mill, 2012:87) semua pusat pemerintahan selepas itu berada di luar tanah besar negeri Johor. Selain daripada faktor perpindahan orang Melayu ke negeri Johor mengikut sultan-sultan yang memerintah sesuatu zaman itu faktor-faktor lain seperti perdagangan, perkahwinan, politik dan lain-lain juga tidak boleh dinafikan menjadi penyebab kepada kedatangan orang Melayu ke negeri Johor.

## **Kesimpulan**

Banyaknya pusat pemerintahan di sepanjang Sungai Johor telah membangunkan banyak penempatan orang Melayu di negeri Johor. Pada masa itu satu-satu sistem pengangkutan yang dianggap cekap (efisyen) ialah melalui pelayaran yang dapat mempercepatkan urusan di antara pelabuhan. Di samping dapat menyediakan penempatan untuk orang Melayu, Sungai Johor juga dijadikan sebagai strategi pertahanan kerana apabila serangan berlaku dengan mudah dapat mengundurkan diri buat sementara daripada serangan musuh dan mudah pula mendirikan pusat pemerintahan yang baharu. Sungai Johor telah membuktikan peranan yang dimainkannya dalam penerusan sembilan pusat pemerintahan kesultanan Melayu Johor dalam proses mandiri (*survival*) kewujudannya. Serangan demi serangan untuk menghapuskan kewujudannya telah dapat

dipatahkan kerana Sungai Johor menjadi penyelamat dalam mobiliti pergerakan ke tempat baharu baik untuk menyelamatkan diri atau pun membina penempatan baharu.

Sungai Johor bukan sahaja menjadi sebahagian daripada sistem pelayaran dalam urusan perniagaan di antara pelabuhan. Namun sistem itu jugalah menjadi kelemahannya kerana pihak musuh dengan senang dapat menyerang pusat-pusat pemerintahan yang berada di sepanjang Sungai Johor. Serangan daripada kuasa Eropah, iaitu daripada pihak Portugis dan Belanda yang terbit daripada mungkir janji dalam perjanjian perekonomian serta politik telah menjadi pencetus kepada perselisihan faham yang mengakibatkan peperangan serta kemusnahan harta benda dan nyawa. Begitu juga krisis antara kerajaan-kerajaan Melayu yang lain seperti Aceh dan Jambi telah menjadikan Sungai Johor sebagai laluan semasa menjadi sahabat perdagangan dan juga semasa perkelahian. Sungai Johor berhenti menjadi tumpuan apabila pusat pemerintahan kerajaan Melayu Johor berpindah keluar daripada tanah besar Johor.

## Rujukan

- Abdul Malek M., (1984). *Bandar Maharani Dan Daerah Muar 1884-1920: Peribumi dan Pemodenan*. Persatuan Muzium Malaysia d/a Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria B. G. & Zainal Abidin B., (1994). *Johor Dahulu dan Sekarang*. Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Andaya L.Y., (1975). *The Kingdom of Johor 1641-1728*. Oxford University Press. London, New York, Melbourne.
- Buyong Adil, (1971). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur, DBP.
- Fawzi B.M.A. & Hasrom H., (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1946: Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek*. Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- Kamdi b.K. (2013). Lihat Majlis Polimek Sejarah Malaysia sesi ke 30.
- Kassim T., (2011). *Sejarah Johor Dalam Pelbagai Perspektif*. Penerbitan Utm Press, Johor Bahru.

- Kennedy J., (2007). *A History of Malaya*. S.A. Majeed & Co Sdn Bhd, Kuala Lumpur
- Majlis Polimek Sejarah Malaysia Sesi ke 30. *Sejarah Awal Johor. Empayar Johor-Riau: Pengasasan, Kelangsungan Dan Perpecahan*, oleh Tuan Haji Kamdi Bin Kamil. 24hb Oktober 2013 (Khamis). Anjuran Arkib Negara Malaysia& Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia.
- Mills L.A., (2012). *British Malaya 1824-1867*. MBRAS Reprint 22, Academe Art & Printing Services Sdn Bhd, Petaling Jaya.
- Samad Ahmad A., (1986). *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Shaharom H., (1995). *Sejarah Johor: Kaitannya Dengan Negeri Melayu*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Winstedt R.O., (1979). *A History of Johore* (1365-1896). MBRAS. Art Printing Works Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.